



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA MPSP**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG PERSATUAN KEBAJIKAN
SUKAN DAN SOSIAL (PESUKA) YANG KE 24**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**20 DISEMBER 2018 (KHAMIS)
2.30 PTG**

SAFIRA COUNTRY CLUB, SEBERANG JAYA, SPT

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani Binti Hj Mahmud
Setiausaha Perbandaran MPSP

Yang Dihormati Sr Mat Nasir Bin Hassan
Naib Yang Dipertua PESUKA

Yang Dihormati LAr Shaqhrony Bin Md Yusuff
Setiausaha Kehormat PESUKA

Yang Dihormati Encik Mohd Puad Bin Hamid
Bendahari Kehormat PESUKA

Yang Dihormati Encik Mohd Fidae Bin Mohamad
Ketua Sukan PESUKA

Ahli-ahli jawatankuasa PESUKA

Ahli-ahli PESUKA

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Bersyukur kita kehadiran Ilahi kerana dengan izin-Nya, dapat kita hadir bersama-sama, berkumpul di dewan yang mulia ini sempena Majlis Mesyuarat Agung PESUKA yang ke-24 bagi tahun 2018 ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak PESUKA kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan majlis ini.

Pencapaian PESUKA setakat ini adalah sesuatu yang boleh dibanggakan kerana persatuan ini merupakan antara persatuan di MPSP yang stabil pengurusannya dan aktif dalam merancang serta melaksanakan pelbagai bentuk aktiviti riadah dan rekreasi untuk semua ahli-ahlinya walaupun sedang menghadapi kekangan kewangan ketika ini.

Dengan keahlian seramai 2,701 orang ahli (data keahlian terkini sehingga 30 November 2018), ianya merupakan satu cabaran yang besar kepada pengurusan PESUKA dalam memastikan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dapat memberi manfaat kepada semua ahli. Penganjuran aktiviti-aktiviti yang berlainan pada setiap bulan telah dilaksanakan oleh ahli-ahli jawatankuasa PESUKA secara sukarela dan ianya turut melibatkan perbelanjaan secara berhemah (berjimat cermat). Komitmen daripada setiap ahli adalah sangat penting dalam perkara ini dan sudah tentulah ianya memerlukan satu sistem kerja yang terancang dan teratur bagi memastikan program-program anjuran PESUKA dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Majlis Perbandaran Seberang Perai mensasarkan untuk menjadi sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang Tahun 2022. Pelbagai usaha telah

diketengahkan untuk mencapai Seberang Perai yang “Resilient, Inklusif, Hijau dan Berdaya Saing”. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) juga komited untuk melaksanakan wawasan Negeri Pulau Pinang yang dinyatakan dalam *Penang 2030* (Pulau Pinang 2030), iaitu “*A Family-Focused Green and Smart State*” (Pulau Pinang Pintar, Hijau dan Mesra Keluarga). Ini sejajar dengan menjadikan MPSP sebuah organisasi yang berpaksikan rakyat atau “*People Centric Organization*” dan MPSP juga telah mengisytiharkan Bajet MPSP 2019 pada tahun hadapan bertemakan *People Centric Budget*. Oleh itu, saya berharap agar Encik Mat Nasir selaku Naib Yang Dipertua PESUKA akan melihat kepada program-program *people centric* selepas ini.

Sebagai contoh, saya ingin mengesyorkan kepada PESUKA mengenai satu program yang sepatutnya perlu diadakan untuk mejaga kebajikan semua pekerja MPSP iaitu “*Housing Democracy*”. “*Housing Democracy*” bermaksud PESUKA perlu mengadakan matchmaking di antara pemaju, *bankers* dan pekerja MPSP terutamanya ahli PESUKA yang belum memiliki rumah untuk memiliki rumah. Secara tidak langsung, lebih ramai lagi pekerja MPSP yang akan mendaftarkan diri sebagai ahli PESUKA. PESUKA perlu memainkan peranan mengatur pertemuan tersebut. Pada saya, program sebeginilah antara program *People Centric* dan saya berharap ianya dapat dilaksanakan bermula tahun 2019.

Selain itu, dalam merangka dan menyediakan Bajet Tahun 2019 MPSP (*People Centric Budget*), MPSP akan memperbanyakkan program sejajar dengan *people centric*. Antaranya adalah:-

- I. Program-program pembinaan infrastruktur dan taman rekreasi, iaitu Projek Robina Ecopark, Projek Jambatan Keretapi Pinang Tunggal dan Naik Taraf Kemudahan dan Infrastruktur Kawasan Pelancongan. MPSP juga akan memasang 15 set *outdoor gym* dan 11 unit alat permainan di Tempat-Tempat Rekreasi Awam dan Sukan, Selain itu, Alat-Alat Sukan dan Olahraga serta kelengkapan gimnasium akan dibeli dalam projek penyelenggaraan dan pembaikan Kompleks Sukan MPSP.

- II. MPSP mensasarkan 50,000 pokok ditanam sebelum tahun 2022 dan anggaran pokok akan ditanam setiap tahun adalah berjumlah 10,000 batang pokok. Penanaman pokok adalah penting dalam mengimbangi pelepasan karbon melalui penghasilan oksigen. Sehingga 7 September 2018, jumlah pokok yang telah ditanam di seluruh Seberang Perai adalah 255,315 batang pokok.

- III. MPSP akan terus berkerjasama dengan rakan strategik seperti Think City untuk mengadakan program Fun Walk, Fun Ride, I Love Penang Run - Seberang Perai, Province Wellesley Run (PWR), Temasya Bagan termasuk Car Free Evening dan Sungai Perai Nature Walk. Di samping itu, MPSP juga akan mengadakan *Car Free Night* atau malam bebas kenderaan bagi menggalakkan penduduk Seberang Perai beriadah bersama keluarga dan menjalankan aktiviti-aktiviti seperti *zumba*, *busking*, kesenian, kebudayaan dan lain-lain. Dengan ini, ia dapat menepati kehendak *people centric* yang memberi keutamaan kepada warga emas, remaja, kanak-kanak dan dewasa.
- IV. MPSP akan meneruskan penganjuran Butterworth Fringe Festival (BFF) di mana festival ini menyediakan persembahan dari dalam dan luar negara serta pelbagai aktiviti dan program berbentuk kesenian, kebudayaan dan warisan akan diadakan. Pada tahun ini, BFF akan diadakan pada 1 dan 2 Disember agar dapat menarik lebih ramai pengunjung hadir ke festival ini.
- V. Pada tahun 2019 juga, MPSP akan mengadakan Hari Warisan Seberang Perai dan Pesta Pantai bagi memperkenalkan budaya

dan warisan Seberang Perai serta menarik pelancong ke Seberang Perai.

- VI. MPSP akan memperkenalkan dan membangunkan ruang pelbagai guna untuk menambah tempat-tempat niaga, ruang bersenam dan bersukan, ruang sosial seperti perkahwinan dan pelbagai acara. Peringkat permulaan lima (5) lokasi akan dipilih berdasarkan kesesuaian.

- VII. MPSP akan meneruskan Hari Mesra Pelanggan setiap tiga (3) bulan dengan memberi penekanan “Anda Ada Masalah Kami Permudah”; “Anda Buntu Kami Bantu”. Pasukan khas daripada pelbagai jabatan akan ditubuhkan untuk memberi fokus kepada isu pelesenan, binaan tanpa kebenaran, tempat letak kereta dan isu-isu perbandaran.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Tahniah dan syabas kepada semua yang telah bertungkus lumus dalam penyediaan program-program dan aktiviti-aktiviti bermanfaat khusus untuk ahli-ahli PESUKA. Penganjuran program-program sihat dan bermanfaat sentiasa akan mendapat sokongan daripada pihak pengurusan MPSP serta penglibatan yang amat menggalakkan dari Ahli-Ahli Majlis. Ia

merupakan satu landasan yang penting agar semua pihak dapat bertoleransi dan bekerjasama antara satu sama lain bagi mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan.

Saya percaya ahli-ahli jawatankuasa PESUKA mempunyai kebolehan dan berupaya memikirkan cara-cara sesuai ke arah mencapai matlamat-matlamat yang telah direncanakan serta mengadakan program-program yang lebih berkesan pada masa akan datang dengan mengambilkira keadaan dan prestasi kewangan semasa di samping berbincang, bertukar-tukar fikiran dan pendapat mengenai rancangan-rancangan dan aktiviti kerja yang boleh dilaksanakan untuk mencapai objektif-objektif murni persatuan. Semangat bekerjasama (team work) antara ahli-ahli PESUKA hendaklah diamalkan agar ia terus kekal dan berkembang.

Saya harap mesyuarat pada hari ini akan menghasilkan beberapa rumusan yang berfaedah kepada tuan-tuan dan puan-puan semua. Semoga PESUKA akan terus maju dan berjaya. Dengan ucapan bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung PESUKA kali ke -2.

Sekian,

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***